

UM 14 MAR 1988

## Inokom perkenalkan MFV baru

KUALA LUMPUR 12 Mac — Industri Otomotif Komersial (M) Sdn. Bhd. (Inokom) kini bersiap sedia untuk memperkenalkan kenderaan pelbagai fungsi (MFV) yang serba baru dan menarik dalam pasaran tempatan tahun ini.

Inokom dalam satu kenyataannya di sini hari ini memberitahu, bagi tujuan itu, sejumlah RM76 juta akan dilaburkan untuk meningkatkan kemudahan pengeluaran syarikat itu di Kedah.

Projek baru ini akan menjadi satu lagi projek nasional yang akan meningkatkan kesediaan industri motor tempatan selepas era Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA).

Inokom berkata, projek MFV bermula apabila memorandum perjanjian dimeeterai antara Inokom dengan Hyundai Motor Co. (HMC) pada 7 November lalu dengan disaksikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Inokom, Jumaat lalu, telah memeterai perjanjian lesen teknikal dengan HMC yang membenarkannya mengeluarkan dan mengedarkan MFV dalam majlis disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

HMC mempunyai 15 peratus ekuiti dalam Inokom.

Inokom berkata, MFV lima tempat

duduk yang dicadangkan itu tetapi belum diputuskan modelnya, akan mempunyai keupayaan enjin satu liter dengan menggunakan platform kereta Hyundai ATOS.

Katanya, walaupun pada pandangan luarnya kenderaan itu padat tetapi ia amat luas dan mempunyai kemas dalam-laman yang praktikal untuk kegunaan di bandar dan luar bandar.

Inokom mempunyai keupayaan pengeluaran tahunan sebanyak 40,000 buah kenderaan dan kini sedang memasang dua model van Inokom Permas dan Chassis Kabin 1.5 tan Inokom Lorimas.